



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**16 Februari 2021
8 Rejab 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Geragau jana pendapatan tambahan
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	• Safety net
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR	✓	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		8 16/2/2021

THE STAR, TUESDAY 16 FEBRUARY 2021

THE STAR MIS 8 16/2/2021

Safety net
Fisherman Chien Min, happy to fish again after MCO rules were recently relaxed, while wearing a face mask in the shallow waters off Kuala Perlis. — Bernama

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE 16/2/2021
								16/2/2021

Geragau jana pendapatan tambahan

Hassan Omar



© Provided by Berita Harian Geragau
segar dijual pada harga RM6 sekilogram. - Foto HASSAN OMARbhnews@bh.com.my

MASJID TANAH: Nelayan dan bukan nelayan di sepanjang pantai Melaka Barat dari Tanjung Bidara hingga Kuala Linggi, di sini, menikmati rezeki tambahan berikutan musim geragau sejak semalam.

Anak udang itu dikesan memenuhi perairan di pantai berkenaan sejak awal pagi semalam dan berterusan hingga awal pagi ini, sekali gus memberikan rezeki tambahan buat mereka.

Kehadiran geragau yang berfungsi untuk menghasilkan belacan dan cencaluk itu mencapai ratusan kilogram untuk setiap nelayan dan bukan nelayan yang menangkap hidupan marin itu dengan alat khas yang diistilahkan sebagai sungkur.

Nelayan, Syafiq Zainal Abidin, 30, berkata dia turun menyungkur awal pagi tadi selepas menikmati hasil yang menceriakan ketika menyungkur awal pagi semalam.

"Jam 4 pagi tadi saya turun menyungkur bersama-sama orang lain dan Alhamdulillah, apabila saya naik ke darat pada jam 6 pagi untuk menunaikan solat Subuh, saya memperoleh 80 kilogram (kg) geragau.

"Awal pagi semalam saya dapat 100 kg geragau yang sudah habis dijual dalam tempoh hanya sejam mulai jam 9 pagi," katanya ketika ditemui di pangkalan nelayan Kampung Pengkalan Balak, di sini, hari ini.

Dia berkata, dengan menjual geragau RM6 sekilogram, haiwan marin yang hadir pada musim tertentu itu habis dijual ibarat 'pisang goreng panas'.

Sulaiman Abdul Karim, 56, berkata dia tidak bertukang hari ini kerana sibuk menolak sungkur sejurus selepas solat Subuh tadi hingga jam 10 pagi ini.

"Alhamdulillah, saya dapat lebih kurang 60 kg geragau berbanding kira-kira RM120 kg semalam.

"Lazimnya geragau naik pada musim angin barat dari September hingga Disember tetapi geragau hari ini adalah geragau musim angin betara dari Januari hingga April," katanya.

Dia berkata, kehadiran geragau menceriakan nelayan dan yang bukan nelayan kerana adalah rezeki tambahan untuk mereka yang bergantung hidup pada penangkapan ikan atau kerja di darat.

Katanya, geragau pada tahun 1970-an dijual pada harga antara 30 sen hingga 70 sen sekilogram sebelum naik berperingkat-peringkat pada 1980-an hingga sekarang mencecah antara RM6 hingga RM10 sekilogram.

Dia berkata, walaupun harganya semakin meningkat, ia tetap mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pengguna, terutama pengusaha belacan dan cencaluk.